

# Sinikal *Hero: Jangan Bikin Panas*

MENYAKSIKAN sendiri sahabat-sahabatnya mati dalam kebakaran pusat tahfiz membuatkan Zafrul (Hisyam Hamid) nekad membongkar dalang kejadian itu.



Filem: *Hero: Jangan Bikin Panas*  
Pengarah: Azizi Adnan @ Azizi Chunk  
Pelakon: Hisyam Hamid, Bell Ngasri, Mark Adam, Tash Yong, Elisia Sandha, Datuk Jalaludin Hassan, Shaharudin Thamby, Riz Amin dan Syafiq Farhain.  
Tarikh tayangan: 3 Oktober  
Bintang: ★★★

Oleh NOR ERYANI YUSUP

JENAMA *Hero* pada asalnya bermula daripada sebuah drama rantaian yang ditayangkan di sebuah stesen televisyen. Penerimaan baik penonton terhadap karya terbitan syarikat produksi NS Star Sdn. Bhd. itu telah menyakinkan pihak penerbitan untuk mengangkatnya ke layar perak.

Menampilkan judul *Hero: Jangan Bikin Panas*, filem yang akan menemui penonton bermula 3 Oktober (hari ini) itu digarap dengan jalan cerita dan idea baharu, sama sekali tiada kaitan dengan drama rantaian tersebut.

*Hero: Jangan Bikin Panas* mengisahkan tentang seorang lelaki bernama Zafrul (Hisyam Hamid) yang pernah berdepan dengan tragedi kebakaran di sebuah pusat tahfiz, sebelum dia menjadi anggota bomba dan berkenalan dengan Amad Mustar (Bell Ngasri) dan Adam Fanifinali (Mark Adam).

Penemuan bukti-bukti yang menimbulkan keraguan membuatkan Zafrul nekad untuk membongkar dalang di sebalik kebakaran pusat tahfiz tersebut.

Menyentuh tentang naskah garapan

daripada pengarah Azizi Adnan atau lebih dikenali sebagai Azizi Chunk itu, konsepnya bersifat santai, tetapi sarat dengan elemen pengorbanan, aksi, humor dan agama.

## Dominasi komedi

Membuka tirai cerita dengan kejadian sarat emosi iaitu kebakaran pusat tahfiz, penonton pada awalnya tertanya-tanya adakah naskah ini bersandarkan kejadian sebenar yang pernah berlaku dalam negara beberapa tahun lalu.

Namun, penonton sedikit keliru dan terganggu apabila elemen dakwah dan komedi secara tiba-tiba diselitkan pada pertengahan jalan cerita. Tidak salah untuk membuat penonton ketawa atau berasa insaf, tetapi jika terlampau banyak elemen diselitkan dalam sebuah naskah sukar



KEHADIRAN watak Amad Mustar lakonan Bell Ngasri (kanan) dan Adam Fanifinali (Mark Adam, tengah) berjaya menghidupkan jalan cerita dengan aksi lucu yang menghiburkan.

untuk mencari titik fokus apa yang ingin disampaikan oleh pengarahnya.

Benar, pengarahnya Azizi sendiri mengakui bahawa dia menggarap filem tersebut dengan mengangkat kisah pengorbanan anggota bomba, disamping unsur dakwah, aksi dan lelucon. Namun, formula tersebut dilihat seperti tidak menjadi.

Meskipun mengangkat kisah pengorbanan anggota bomba, secara keseluruhan filem tersebut tidak lebih daripada sebuah karya komedi. Hal ini kerana, watak Amad Mustar dan Adam Fanifinali dilihat sangat dominan dan menguasai jalan cerita berbanding Zafrul yang merupakan watak utama.

Kecelaruan karya ini diteruskan dengan kisah konspirasi kongsi gelap lakonan Datuk Jalaludin Hassan dan Shaharudin Thamby.

Biar pun dua watak antagonis itu merupakan punca utama pelbagai kejadian termasuk kebakaran di pusat tahfiz, namun penonton tidak diberi pendedahan jelas tentang watak mereka berdua.

Masalah tersebut mungkin berlaku disebabkan sebanyak 40 peratus filem tersebut dipotong kerana durasinya terlalu panjang sehingga tiga jam.

Penerbitnya, Darling Ngasri mengakui mungkin perkara tersebut menjadi punca jalan cerita filem *Hero: Jangan Bikin Panas* dilihat tersangkut-sangkut.

Cuma bagi mereka yang gemarkan sebuah naskah santai penuh dengan kelucuan, naskah ini sesuai untuk ditonton.